

Membumikan Keuniversalan Islam

Azhar Ibrahim Alwee
Universiti Nasional Singapura

Sering kita mendengar penegasan bahawa Islam adalah suatu agama universal yang membawa nilai-nilai sejagat, selain ianya sebagai *rahmatan lil alamin* kepada umat manusia.

Namun kalau dipertanyakan secara umum apakah itu nilai-nilai yang dibawa dan dianjurkan dalam Islam, maka kita akan dapati terdapat kesukaran untuk melafazkannya, kadangkala ia tidak dapat dimengertikan.

Mengapakah ini sukar untuk difahami dan diungkapkan?

Ketidakmampuan untuk melafazkan apakah itu nilai-nilai Islam, bukanlah bererti kita jahil sekali sehingga tidak mengamalkan atau tidak termanifestasikan dalam kehidupan seharian kita.

Ianya mungkin kerana sesuatu yang tidak terkonsepsikan dan terfikirkan itu, dalam bahasa seharian kita, dek kerana perkara ini tidak diperkembangkan dalam pembelajaran agama selama ini.

Pada umumnya pendedahan agama kita memberati perihal ritual dan akhlak peribadi (*personal ethic*) darihal dosa dan pahala pada individu.

Dari segi doktrin, nilai-nilai Islam difahamkan sebagai nilai yang diperturunkan kepada manusia menerusi al-Qur'an, serta anjuran yang terdapat dalam hadis dan sunnah Rasulullah.

Namun dari segi sosiologi dan sejarah, sesuatu nilai itu dipengaruhi oleh kondisi setempat selain mengungkapkan pemikiran kelompok yang mengajukan nilai itu.

Nilai sebagai suatu konsep boleh ditakrifkan sebagai kualiti atau ciri yang dianggap berguna, layak untuk dihormati dan dipegang.

Dalam setiap masyarakat, nilai berfungsi sebagai 'lampu isyarat' (*traffic light*) yang menetapkan dan mengaturkan tindak-tanduk manusia.

Tentu banyak lagi takrifan mengenainya, namun harus kita perhatikan bagaimana maksud nilai itu saling berbeza antara kelompok sosial yang mentakrifkannya.

Akan tetapi, nilai itu sebenarnya bukan gagasan yang sekadar abstrak sifat dan kewujudannya. Makanya tidak wajar membicarakan soal nilai yang bebas daripada konteks ia timbul atau konteks ia mahu diperkenalkan.

Di saat kita menerima bahawa sesuatu nilai itu terkondisi oleh keadaan dan keperluan setempat, ini tidak bermakna nilai itu kurang darjatnya daripada nilai yang difikirkan datang dari sumber luar yang kudus.

Sebaliknya, kalau kita menerima nilai itu terkondisi oleh keadaan masyarakat, ini bermaksud nilai itu boleh berubah dan telah diubah.

Makanya, konsepsi nilai yang lalu (iaitu ianya tetap, definitif dan mutlak) menjadikan apa jua reformisme itu terbantut.

Sesungguhnya, sistem nilai dalam masyarakat itu tidak pernah bersifat monolitik kerana setiap kelompok dalam masyarakat itu mengajukan dan mempertahankan nilai masing-masing.

Dalam menanggapi persoalan keuniversalan Islam kita sebenarnya membicarakan persoalan nilai.

Universalisme itu usah dibiarkan terhenti dalam lafaz-lafaz muluk yang tidak membumi. Sebaliknya ianya bukan saja harus bertapak pada keperluan dan nuansa setempat, tetapi juga ia harus berpihakan dalam menegakkan kebenaran.

Menurut Jalaludin Rakhmat, seorang pemikir Islam Indonesia: "Islam itu hadir dalam dua visi: universal dan temporal. Yang universal berlaku sepanjang masa. Yang temporal adalah wajah Islam yang lahir ketika menghadapi cabaran masa."

Bagi Abdurrahman Wahid (Gus Dur), universalisme Islam menegakkan kemanusiaan, yang "diimbangi pula oleh kearifan yang muncul dari keterbukaan peradaban Islam sendiri."

Tambah beliau, universalisme Islam ini jelas terpantul dalam lima jaminan dasar yang diajukan dalam syariat Islam demi keselamatan dan hak setiap manusia, baik secara individu mahupun secara kelompok. Ianya adalah:

- (1) keselamatan fizikal warga masyarakat dari tindakan keras di luar ketentuan hukum
- (2) keselamatan keyakinan agama masing-masing, tanpa ada paksaan untuk berpindah agama
- (3) keselamatan keluarga dan keturunan
- (4) keselamatan harta benda dan milik peribadi di luar prosedur hukum
- (5) keselamatan profesi atau sara hidup

Menurut Nurcholish Madjid pula, universalisme Islam memberati persoalan egalitarianisme antara sesama manusia dan persamaan darjat di hadapan Allah. Ini dikaitkan beliau sebagai "segi akibat Tauhid yang paling penting."

Tidak syak lagi, mengafirmasi nilai-nilai keagamaan yang universal dan kepedulian ke atas kemanusiaan itu menjadi tuntutan kesempurnaan dalam kehidupan beragama.

Dalam hal ini, agama dilihat dari sudut nilai-nilai kesejagatannya, bukan hanya dari institusi-institusi atau kelaziman yang terkondisi oleh faktor sejarah dan kesesuaian/kelaziman partikular.

Apabila kita mengiktiraf bahawa agama itu dapat memainkan peranan yang utama dalam masyarakat moden, ini bererti kita harus menjelaskan ia secara terperinci dan cermat.

Di saat agama itu difahami secara tradisional dengan segala formulasi-formulasi agama yang tersedia sudah dianggap cukup, tulen dan benar, maka di situlah letaknya penutupan minda dan penolakan segala upaya memikirulang. Kesedaran menyahuti cabaran baru juga terhad.

Makanya, di sini diperlukan pendedahan yang melihat agama dari sudut nilai, namun tidak terperangkap berapolegetik serta narsistik pula kita mengakui bahawa kitalah yang memiliki segala yang universal.

Nurcholish pernah berpesan: “Islam adalah agama kemanusiaan terbuka, maka umat Islam harus kembali percaya sepenuhnya pada kemanusiaan.”

Gagasan nilai yang dianjurkan Islam hanya akan bererti kalau ia diterjemahkan pada aksi atau diamalkan.

Nilai-nilai universal ini bukan saja harus dilihat sebagai penyempurnaan diri individu dan masyarakat, melainkan ia juga harus berani dan bertegas dalam pemihakan kepada mereka yang lemah, tertindas, terpinggir dan terlupakan.

Tugas kita hari ini ialah membangunkan keberagamaan universal yang juga dikenali sebagai *rahmatan lil alamin* dalam pesan-pesan agama Islam.
